

No. Sebut Harga : MDA/SH/02/2023

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH**

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)  
Kementerian Kesihatan Malaysia


1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Proton Perdana 2.0	WA 51144 A	1	RM 23,000.00

2. Aset boleh dilihat pada 1 Jun 2023 dan/hingga 9 Jun 2023 di antara jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang di Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II, Blok 3547 Persiaran APEC, 63000, Cyberjaya, Selangor.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga MDA/SH/02/2023 dan di hantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II, Blok 3547  
Persiaran Apec, 63000 Cyberjaya, Selangor.

5. Tarikh tutup sebut harga pada 9 Jun 2023 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi pegawai bertanggungjawab iaitu En. Saiful bin Tarmaji di talian 03-82300309 atau emel: [saiful.tarmaji@mda.gov.my](mailto:saiful.tarmaji@mda.gov.my) atau En Mohd Ramzuzaman bin Rozlan di talian 03-8230 0317 atau [ramzuzaman@mda.gov.my](mailto:ramzuzaman@mda.gov.my) atau [perolehan@mda.gov.my](mailto:perolehan@mda.gov.my).



(Tandatangan Ketua Jabatan)

Ketua Eksekutif

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan

Tarikh: 30/5/2023

Cap: MURALITHARAN PARAMASUA  
Ketua Eksekutif  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Draf Bank sahaja atas nama Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.